



17 November 2014  
17 November 2014  
P.U. (A) 308

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN SEKURITI ISLAM LABUAN (PINDAAN) 2014

### *LABUAN ISLAMIC FINANCIAL SERVICES AND SECURITIES (AMENDMENT) REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN SEKURITI ISLAM LABUAN 2010**

**PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN SEKURITI ISLAM  
LABUAN (PINDAAN) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 156 Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [Akta 705], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan (Pindaan) 2014**.

**Pindaan Jadual Ketiga**

2. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [P.U. (A) 417/2010] dipinda dalam Jadual Ketiga—

(a) dengan menggantikan subsubbutiran 5(f)(i) dan (ii) dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan subsubbutiran dan butir-butir yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Fi (USD/RM)</i>
“(i) perniagaan takaful am atau perniagaan takaful am semula;	USD15,000/RM50,000
(ii) perniagaan takaful keluarga atau perniagaan takaful keluarga semula;	USD15,000/RM50,000”;

- (b) dengan menggantikan subbutiran 5(g) dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan subbutiran dan butir-butir yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Fi (USD/RM)</i>
"(g) pengurus takaful Labuan termasuklah pengurus takaful diurus;	USD6,500/RM20,000";

- (c) dengan menggantikan subbutiran 5(h) dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan subbutiran dan butir-butir yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Fi (USD/RM)</i>
"(h) pengurus pengunderaitan takaful Labuan termasuklah pengurus pengunderaitan diurus;	USD6,500/RM20,000"; dan

- (d) dengan memasukkan selepas subbutiran 5(j) dan butir-butir yang berhubungan dengannya subbutiran dan butir-butir yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Fi (USD/RM)</i>
"(k) Kesemua entiti berlesen selain daripada yang disebut dalam subbutiran 5(c) dan (d)—  sebagai tambahan kepada fi lesen tahunan bagi entiti berlesen tersebut, jika terpakai—	